

## **TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN PERBANKAN DIGITAL (“PPD”)**

Terma dan Syarat (“T&S”) ini menerangkan mengenai tanggungjawab dan kewajipan Pelanggan berkaitan perkhidmatan dan maklumat berkenaan Perbankan Internet Korporat, Perbankan Internet Peribadi dan aplikasi mudah alih TAIB (secara kolektif digelar sebagai “Perbankan Digital”). T&S ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Am Perbadanan TAIB, yang akan menjadi sebahagian daripada T&S ini.

Dengan melanggan Perkhidmatan Perbankan Digital (“PPD”) Perbadanan TAIB, Pelanggan mengesahkan bahawa mereka telah membaca dan memahami T&S ini dan bersetuju untuk mematuhi.

Jika terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini dan mana-mana perjanjian terdahulu antara Perbadanan TAIB dan Pelanggan, T&S ini akan diguna pakai.

### **1. DEFINISI**

- a) “Akaun” bermaksud sebarang akaun yang dibuka dan diselenggarakan di Perbadanan TAIB dan Perbadanan TAIB membenarkan transaksi dilakukan melalui PPD;
- b) “Pentadbir Korporat” bermaksud orang yang dilantik oleh Pelanggan Korporat di dalam mandat mereka untuk memegang peranan pentadbiran bagi menjalankan fungsi pentadbiran tertentu berhubung dengan Perbankan Internet Korporat mereka;
- c) “Perbankan Digital” bermaksud Perbankan Internet Korporat, Perbankan Internet Peribadi, dan perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih TAIB, melalui penggunaan sebarang peralatan elektronik atau telekomunikasi;
- d) “Perkhidmatan Perbankan Digital” bermaksud perkhidmatan, transaksi, kemudahan atau produk yang diberikan oleh Perbadanan TAIB melalui Perbankan Digital yang termasuk tetapi tidak terhad kepada Scan to Pay, External Payment Interface atau sebarang aplikasi lain yang ada di dalam Perbankan Digital;
- e) “External Payment Interface (EPI)” bermaksud ciri pembayaran yang tersedia di dalam laman sesawang Peniaga yang membolehkan Pelanggan untuk membuat pembayaran melalui Perkhidmatan Perbankan Digital;
- f) “Arahan” bermaksud sebarang permintaan atau permohonan yang diterima atau dihantar kepada Perbadanan TAIB oleh Pelanggan melalui Perkhidmatan Perbankan Digital;
- g) “Peniaga” bermaksud sebarang peruncit atau pertubuhan yang menawarkan atau berurusan di dalam produk atau perkhidmatan yang tidak dilarang oleh prinsip-prinsip Syara’, yang menerima pembayaran dari Perkhidmatan Perbankan Digital Perbadanan TAIB sebagai medium pembayaran bagi pembelian barangan atau perkhidmatan;
- h) “Transaksi dalam talian” bermaksud termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang pemindahan, pengeluaran atau pembayaran yang dibuat;
- i) “Kata Laluan Sekali (OTP)” bermaksud kata laluan yang unik yang hanya boleh digunakan sekali. Ini merupakan ciri keselamatan tambahan, OTP akan dihantar melalui SMS kepada nombor telefon bimbit Pelanggan yang berdaftar di Perbadanan TAIB;

- j) “Kata laluan” bermaksud sebarang nombor, kata laluan atau nama, perkataan, simbol, kod atau OTP lain yang dikeluarkan atau ditetapkan oleh Perbadanan TAIB kepada Pelanggan bagi membolehkan Pelanggan mengakses sebarang Akaun atau menggunakannya untuk membuat transaksi di dalam Perkhidmatan Perbankan Digital;
- k) “Ribawi” bermaksud emas, perak dan mata wang;
- l) “Scan To Pay (STP)” bermaksud ciri pembayaran yang tersedia di dalam Perkhidmatan Perbankan Digital yang membolehkan Pelanggan membuat pembayaran kepada Peniaga bagi barangan dan/atau perkhidmatan dengan mengimbas kod QR;
- m) “Had Perbelanjaan” bermaksud tertakluk kepada baki tersedia di dalam Akaun Pelanggan, jumlah maksimum yang boleh dibelanjakan oleh Pelanggan menggunakan PPD pada mana-mana hari yang akan ditetapkan oleh Perbadanan TAIB dari semasa ke semasa atas budi bicaranya dengan memaklumkan kepada Pelanggan dalam sebarang bentuk yang boleh ditetapkan oleh Perbadanan TAIB;
- n) “User ID” bermaksud ID pengguna yang dihasilkan oleh Pelanggan sewaktu mendaftar di PPD;
- o) “Kod QR” bermaksud kod ‘*Quick Response*’, sejenis barkod matriks (atau barkod dua dimensi) yang akan digunakan bagi Scan To Pay Perbadanan TAIB;

## **2. TAFSIRAN**

- 2.1 Perkataan yang merujuk kepada kata tunggal hendaklah termasuk kata jamak dan sebaliknya, dan penggunaan mana-mana istilah sesuatu jantina hendaklah dianggap merangkumi istilah jantina yang lain.
- 2.2 Rujukan kepada seseorang meliputi rujukan kepada individu dan entiti yang mempunyai hak perundangan, yang termasuk milikan tunggal, perkongsian, firma, syarikat, perbadanan atau sebarang bentuk entiti undang-undang yang lain.
- 2.3 Tajuk dalam T&S ini adalah bagi tujuan rujukan sahaja dan tidak boleh diambil kira dalam penafsiran T&S ini.

## **3. MENDAPATKAN PERKHIDMATAN**

- 3.1 Pelanggan hendaklah mematuhi T&S ini dan semua keperluan yang ditetapkan oleh Perbadanan TAIB untuk mendapatkan PPD.
- 3.2 Pelanggan hendaklah memberikan maklumat yang lengkap, tepat dan betul ketika menggunakan PPD dan Perbadanan TAIB berhak untuk berpegang kepada maklumat yang diberikan. Pelanggan berjanji untuk memaklumkan Perbadanan TAIB tentang sebarang perubahan ke atas maklumat tersebut.
- 3.3 PPD akan membolehkan Pelanggan untuk melihat akaun, melakukan transaksi dan membuat permohonan bagi sebarang kemudahan Perbadanan TAIB.
- 3.4 Pelanggan dikehendaki untuk memilih akaun yang akan digunakan bagi PPD dan memastikan bahawa terdapat wang yang mencukupi di dalam akaun tersebut untuk sebarang transaksi.
- 3.5 Perbadanan TAIB berhak untuk melantik Peniaga untuk melaksanakan transaksi Pelanggan dan tidak akan bertanggungjawab ke atas transaksi tersebut
- 3.6 Perbadanan TAIB berhak untuk menolak sebarang PPD jika Pelanggan tidak mematuhi persyaratan-persyaratan yang digariskan oleh Perbadanan TAIB.

3.7 Pelanggan bertanggungjawab ke atas semua transaksi dan Perbadanan TAIB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi sebarang kerugian atau tindakan yang dilakukan menggunakan PPD.

#### **4. TRANSAKSI DALAM TALIAN**

4.1 Pelanggan dengan ini membenarkan Perbadanan TAIB untuk mendebit akaun Pelanggan dengan sebarang jumlah transaksi yang selaras dengan rekod transaksi Perbadanan TAIB.

4.2 Apabila melakukan Transaksi Dalam Talian, Pelanggan akan bertanggungjawab ke atas semua Transaksi Dalam Talian sama ada yang diproses dengan pengetahuan Pelanggan atau dengan kuasa tersurat atau tersirat Pelanggan.

4.3 Pelanggan berjanji untuk bertindak dengan berniat baik dalam urusan berkaitan dengan PPD.

4.4 Walaupun Had Perbelanjaan Pelanggan belum habis digunakan, Perbadanan TAIB berhak menyekat Pelanggan daripada menggunakan PPD.

4.5 PPD tidak boleh digunakan untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang, termasuk pembelian barangan atau perkhidmatan yang ditegah oleh undang-undang Syariah dan barang Ribawi seperti emas dan perak secara bertangguh atau berasur-ansur.

#### **5. ARAHAN DARI PELANGGAN**

5.1 Perbadanan TAIB berhak untuk berpegang dan bertindak atas sebarang arahan yang diberikan oleh Pelanggan secara bertulis atau melalui PPD.

5.2 Melainkan diarahkan sebaliknya oleh Pelanggan, Peniaga dianggap telah diberi kuasa sewajarnya untuk membuat pertukaran mata wang pada kadar pertukaran mata wang semasa berkenaan dengan sebarang jumlah wang yang diterima daripada atau perlu dibayar oleh Pelanggan.

5.3 Pelanggan mengakui bahawa sebarang fi atau caj yang dikenakan bagi pertukaran mata wang tempatan kepada mata wang asing adalah berdasarkan kadar pertukaran mata wang semasa..

5.4 Pelanggan bersetuju bahawa semua arahan yang diberikan kepada Perbadanan TAIB adalah muktamad. Sebarang permintaan dari Pelanggan untuk menarik balik atau membatalkan arahan yang diberikan hendaklah dibuat secara bertulis. Perbadanan TAIB berhak untuk menerima atau menolak permintaan Pelanggan yang terdahulu.

#### **6. ID PENGGUNA DAN KATA LALUAN**

6.1 Pelanggan hendaklah tidak mendedahkan kepada mana-mana orang sebarang maklumat sulit berhubung PPD, termasuk ID Pengguna dan kata laluan.

6.2 ID Pengguna dan kata laluan hendaklah digunakan dan diakses oleh Pelanggan semata-mata.

6.3 Pelanggan hendaklah menukar kata laluan dengan segera jika Pelanggan mengetahui atau mengesyaki seseorang mengetahui atau memiliki ID Pengguna dan kata laluan.

## **7. KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PELANGGAN KORPORAT**

- 7.1 Pelanggan Korporat hendaklah melanggan Perkhidmatan Perbankan Internet Korporat (“PPIK”) dengan mengisi borang permohonan.
- 7.2 Dengan melanggan PPIK, Pelanggan Korporat hendaklah melantik Pentadbir Korporat untuk mentadbir PPIK bagi pihaknya. Pentadbir Korporat tersebut hendaklah memiliki pengetahuan dan kemahiran untuk mengendalikan dan menyelenggarakan semua peralatan dan perisian yang dipasang bagi menggunakan PPIK.
- 7.3 Pelanggan Korporat akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua tindakan Pentadbir Korporat.
- 7.4 Pelanggan Korporat hendaklah memaklumkan Perbadanan TAIB dengan segera secara bertulis berkenaan sebarang perubahan kepada Pentadbir Korporat atau sebarang mandat mengenai individu yang mempunyai akses kepada PPIK.
- 7.5 Pelanggan Korporat hendaklah mengarahkan Perbadanan TAIB secara bertulis untuk membatalkan User ID Pengguna dan kata laluan.
- 7.6 Perbadanan TAIB boleh memberikan maklumat, jika diperlukan dengan izin Pelanggan Korporat, kepada seseorang, badan korporat, perkongsian, firma atau sebarang entiti lain yang diiktiraf oleh Pelanggan Korporat sebagai gabungan pelanggan, yang mempunyai akses dan kegunaan ke atas maklumat tersebut.
- 7.7 Pelanggan Korporat selanjutnya mengakui dan juga akan mematuhi keseluruhan T&S ini.

## **8. FI DAN CAJ**

- 8.1 Fi dan caj yang dikenakan untuk PPD adalah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Fi dan Tarif TAIB, yang boleh dipinda dari semasa ke semasa.

## **9. PENGGUNAAN KUKI**

- 9.1 Perbadanan TAIB akan menggunakan kuki untuk mengesahkan sama ada Pelanggan telah log masuk ke laman sesawang Perbadanan TAIB. Jika pelayar web Pelanggan telah ditetapkan untuk menolak semua kuki, Pelanggan tidak akan diberikan akses ke laman sesawang Perbadanan TAIB.

## **10. PENAMATAN**

- 10.1 Perbadanan TAIB berhak untuk menarik balik PPD dengan serta merta tanpa makluman awal, antara lain di dalam keadaan-keadaan berikut:

- (i) Pelanggan tidak mematuhi T&S ini;
- (ii) Pelanggan tidak berhak atau tidak lagi berhak untuk mengekalkan akaun dengan atau menerima perkhidmatan yang disediakan oleh Perbadanan TAIB;
- (iii) Pelanggan telah memberikan maklumat palsu kepada Perbadanan TAIB;
- (iv) Perbadanan TAIB secara munasabah percaya bahawa:
  - (a) Pelanggan membenarkan orang lain mengakses atau menggunakan akaunnya untuk melakukan aktiviti-aktiviti jenayah;
  - (b) Pelanggan terlibat di dalam aktiviti jenayah;

- (c) Pelanggan telah meletakkan Perbadanan TAIB dalam kedudukan yang boleh melanggar undang-undang dan peraturan, perintah mahkamah atau arahan pihak berkuasa yang layak; atau
- (d) terdapat pelanggaran keselamatan atau penyalahgunaan akaun, butiran keselamatan atau peranti pembayaran Pelanggan.

## **11. AM**

- 11.1 Perbadanan TAIB berhak untuk melaksanakan apa jua prosedur keselamatan yang dianggap sesuai, perlu atau diterima pakai dari semasa ke semasa bagi mengesahkan identiti Pelanggan, penggunaan PPD dan lain-lain. Perbadanan TAIB berhak untuk meminta pengesahan lanjut ke atas sebarang arahan yang diberikan oleh Pelanggan dalam apa jua bentuk atau cara yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan TAIB.
- 11.2 Perbadanan TAIB dibenarkan untuk mendedahkan sebarang maklumat berkaitan dengan arahan Pelanggan berhubung dengan Perkhidmatan termasuk maklumat peribadi Pelanggan kepada mana-mana pihak pengawal selia yang berkuasa atau untuk tujuan-tujuan lain yang dianggap perlu oleh Perbadanan TAIB.
- 11.3 Perbadanan TAIB boleh mengeluarkan dokumen yang dihasilkan oleh komputer kepada Pelanggan seperti e-penyata dan e-resit bagi sebarang Transaksi Dalam Talian. Pelanggan mengakui bahawa dokumen tersebut akan dianggap mengikat dan bukti yang kukuh. Pelanggan hendaklah memaklumkan Perbadanan TAIB secara bertulis dengan segera apabila menemui sebarang kesilapan.
- 11.4 Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Perbadanan TAIB dengan segera jika Pelanggan mengetahui atau mengesyaki bahawa terdapat transaksi tanpa kebenaran telah dilakukan.
- 11.5 Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya bagi sebarang peralatan elektronik atau sistem yang digunakan untuk mengakses ID pengguna Pelanggan, kata laluan, dan akses ke PPD.
- 11.6 Semua isi kandungan di dalam PPD telah dilindungi hak cipta dan dilesenkan bagi kegunaan Perbadanan TAIB. Pelanggan tidak boleh mengeluarkan semula, mengedar, menerbitkan, mengubahsuai, memaparkan, menyiarkan, menghubungkan atau menghantar sistem perolehan semula maklumat tanpa kebenaran bertulis daripada Perbadanan TAIB.
- 11.7 Pelanggan hendaklah memaklumkan Perbadanan TAIB dengan segera, jika Pelanggan menerima atau mendapatkan data atau maklumat dari PPD yang bukan dimiliki oleh Pelanggan.
- 11.8 Pelanggan mengakui bahawa dengan menggunakan PPD, sebarang bukti arahan dan komunikasi yang dihantar di dalam sebarang bentuk elektronik kepada Perbadanan TAIB atau rekod transaksi yang lain akan dianggap mengikat dan bukti yang kukuh bahawa Pelanggan telah memberikan kebenaran ke atas transaksi tersebut.
- 11.9 Perbadanan TAIB berhak untuk meminda, mempelbagaikan atau mengubahsuai sebarang peruntukan di dalam T&S ini sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, dan pindaan, variasi atau pengubahsuaian tersebut akan dimaklumkan kepada Pelanggan berdasarkan dasar komunikasi Perbadanan TAIB.
- 11.10 Sekiranya terdapat sebarang ketidak selarasan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu bagi T&S ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

[akhir dokumen]